

**Guna Model Politik Baru Selesai Isu Rakyat, Kata Perdana Menteri Bernama
Julai 29, 2011**

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Badan-badan politik dan sayap-sayap parti digesa mengambil pendekatan berasaskan 'model politik baru' berbanding cara konvensional dalam usaha mereka menuntut kerajaan melakukan sesuatu bagi menyelesaikan masalah rakyat yang difikir perlu dilakukan.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata langkah itu merupakan satu daripada cabang transformasi politik yang sedang diperjuangkan oleh kerajaan ketika ini.

Beliau berkata mengikut cara konvensional, lazimnya suatu usul ataupun ketetapan dibuat oleh parti politik atau sayapnya bagi mendesak kementerian yang berkenaan atau kerajaan bagi melaksanakan sesuatu yang difikirkan perlu.

"Sebaliknya melalui model politik baru, badan-badan politik dan sayap-sayap dalam pertubuhan seperti Barisan Nasional (BN) dianjurkan mengambil inisiatif untuk mengadakan sesuatu program yang hasilnya akan dapat menyelesaikan isu dan masalah rakyat yang dibangkitkan.

"Dengan cara ini, kita akan mendekati parti dengan rakyat, (dan) rakyat tidak perlu bergantung kepada pihak lain," katanya yang juga Pengerusi BN ketika melancarkan Pameran Program Miliki Rumah Sendiri Pemuda BN (BNYHOPE) 2011, di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, pada Jumaat.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Pengerusi Pemuda BN Khairy Jamaluddin. Pameran anjuran Pemuda BN itu berlangsung selama tiga hari mulai Jumaat.

Najib berkata dengan mengamalkan pendekatan 'model politik baru' itu, rakyat boleh mengharapkan BN sebagai parti yang mampu memenuhi harapan rakyat dan menyelesaikan masalah.

Mengenai program BNYHOPE, beliau bersetuju dengan Teori Abraham Maslow bahawa keperluan perumahan adalah amat penting sekali bagi kehidupan seseorang manusia.

Maslow di dalam teorinya mengkategorikan lima tingkat keperluan manusia iaitu Keperluan Fizikal, Keperluan Keselamatan, Keperluan Sosial, Keperluan Penghormatan dan Keperluan Aktualisasi Diri.

Keperluan Fizikal disifatkan paling penting kerana ia merupakan keperluan paling asas bagi seseorang manusia untuk hidup seperti tempat tinggal, makanan, pakaian dan air.

"Oleh itu, tidak hairanlah keperluan ini (perumahan) merupakan sesuatu yang disediakan kerajaan dengan memperkenalkan dasar-dasar yang sesuai bagi membolehkan bukan sahaja kerajaan tetapi juga sektor swasta dan GLC turut bersama menyediakan keperluan rakyat ini," katanya.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata untuk itu, kerajaan sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) telah membina sebanyak 111,000 unit perumahan awam mampu milik di mana 75 peratus atau 83,250 unit disasarkan kepada mereka yang berpendapatan isi rumah kurang RM2,500 sebulan.

Kerajaan juga mengumumkan Skim Rumah Pertamaku dan program Perumahan Rakyat

1Malaysia (PRIMA) yang diyakini mampu memberi sumbangan yang amat besar kepada keperluan perumahan rakyat, katanya.

Najib menegaskan kerajaan BN akan terus utuh dan tidak akan lari daripada tanggungjawab untuk membela rakyat Malaysia walaupun menerima pelbagai kritikan dan tohmahan.

"Apa yang penting ialah kita ini amat serius dan amat komited daripada menentukan harga ayam kepada lain-lain keperluan...kita akan tetap memperjuangkan kepentingan rakyat.

"Sebab itulah BN, tidak boleh tergelincir daripada landasan ini. Saya amat yakin jika demikian, kita akan tetap merupakan pilihan utama rakyat Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=604927>